

4,141 penuntut baru UMS lapor diri Sabtu lalu

SEPANGGAR: Seramai 4,141 penuntut baru Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendaftar bagi mengikuti pengajian peringkat ijazah sarjana muda sesi 2010/2011 di Dewan Canselori universiti itu, bermula Sabtu lalu.

Daripada jumlah itu, 2,615 adalah penuntut aliran sains, manakala 2,526 (sastera), 14 dari luar negara dan lima dari program perantara atau diploma institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Jumlah penuntut perempuan mewakili 68 peratus manakala bakinya 32 peratus lelaki.

Kebanyakan pelajar baru ini diiringi ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke universiti yang antara tercantik di rantau Asia Tenggara dan ada antara mereka menangis gembira selepas meninggalkan anak masing-masing.

Seorang bapa, Sabdar

Hassan, 50, dari Kampung Kesapang, Kota Belud, berkata beliau bangga kerana anaknya, Adizan, 20, berjaya mengikuti pengajian dalam bidang sains komputer.

Beliau yakin kursus di universiti itu yang diiktiraf Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Pengajian Tinggi bakal melahirkan graduan berkualiti untuk bekerja di agensi kerajaan, swasta atau bekerja sendiri.

"Saya bangga kerana anak

saya berjaya mengikuti pengajian di universiti ini yang diiktiraf bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai antara yang tercantik di Asia Tenggara.

"UMS bukan saja cantik, malah memiliki bilik kuliah bertaraf antarabangsa yang mampu melahirkan penuntut mampu bersaing pada peringkat global," katanya kepada *Berita Harian*.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Kamaruzaman Ampon, berkata universiti itu akan berusaha melahirkan graduan berilmu dan berdaya saing dalam menempuh era globalisasi serba mencabar.

"UMS mempunyai rekod melahirkan pelajar cemerlang dalam bidang penyelidikan dan kokurikulum hingga mencapai kejayaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa," katanya.



PENDAFTARAN pelajar di Dewan Canselori UMS, Teluk Sepanggar.